

**PENGAMBILKIRAAN <sup>ʿ</sup>URF DAN BUDAYA  
DALAM PENYELIDIKAN, MEMBUAT DASAR DAN PENENTUAN  
HUKUM SYARAK :  
KEPENTINGAN DAN KESANNYA TERHADAP KEMASLAHATAN  
UMMAH.**

**Hamid Bin Mat Isa<sup>1</sup>, Ismail Omar<sup>2</sup>, Zainuddin Che Seman<sup>3</sup>**

[hamid@kuis.edu.my](mailto:hamid@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [ismailomar@kuis.edu.my](mailto:ismailomar@kuis.edu.my)<sup>2</sup>, [zainuddin@kuis.edu.my](mailto:zainuddin@kuis.edu.my)<sup>3</sup>

**ABSTRAK**

Dewasa ini aspek <sup>ʿ</sup>urf dan budaya setempat dan semasa sudah mula dipandang ringan. Sedikit demi sedikit mula diabaikan dan ditinggalkan. Beberapa amalan yang dipandang baik dan menjadi sebatik dalam kehidupan generasi dahulu sudah mula ditinggalkan, malah dikritik oleh sebahagian generasi sekarang. Dalam masa yang sama kedapatan juga beberapa hasil penyelidikan, dasar penting yang dibuat serta penentuan hukum Syarak bagi sesuatu isu, pengambilkiraan aspek <sup>ʿ</sup>urf dan budaya setempat dikesampingkan. Hasilnya telah menimbulkan kegelisahan dan kekeliruan dalam masyarakat Islam. Berasaskan kenyataan itu maka artikel ini menyorot kembali konsep <sup>ʿ</sup>urf dan budaya dalam disiplin ilmu *Usul al-Fiqh* dan sejauh mana kepentingannya dalam penyelidikan, membuat dasar dan penentuan hukum Syarak. Untuk itu pandangan dan huraian para ulama yang *mu<sup>ʿ</sup>tabar* dalam bidang syariah dan *usul al-fiqh* dijadikan sandaran dalam kajian ini. Beberapa isu semasa turut diulas dan diberi kritikan yang konkrit berasaskan pengambilkiraan <sup>ʿ</sup>urf dan budaya dalam disiplin *Ijtihad* Islam.

***Kata Kunci*** – <sup>ʿ</sup>urf, budaya, *ijtihad*, penyelidikan, dasar.

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan Syariah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

<sup>3</sup> Pensyarah di Jabatan Syariah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## PENDAHULUAN

Kedatangan Islam dengan membawa *al-Shari'ah al-Islamiyyah* adalah merupakan satu rahmat kepada seluruh alam. Kandungan ajarannya adalah untuk memenuhi dan merialisasikan keperluan manusia (تحقيق مصالح الناس) bagi mencapai kebahagiaan kehidupan di dunia dan di akhirat.<sup>4</sup> Untuk itu, Allah SWT telah membekalkan kepada umat Nabi Muhammad SAW sumber panduan untuk dijadikan rujukan iaitu *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-Ijma'*, *al-qiyas*, *al-istihsan*, *al-maslahah*, *al-urf* dan sebagainya. Justeru, seseorang itu atau sesebuah masyarakat akan mencapai kebahagiaan dalam kehidupannya bergantung kepada sejauh manakah ia dapat memahami dan memanfaatkan segala sumber yang dibekalkan oleh Allah SWT kepada mereka.

Dalam artikel ringkas ini penulis memilih untuk membincangkan konsep *urf* dan budaya menurut disiplin ilmu *Usul al-Fiqh* dan sejauh manakah kepentingannya dalam penyelidikan, membuat dasar dan penentuan hukum Syarak. Bagi menghuraikan tajuk ini penulis akan merujuk kepada pandangan dan huraian para ulama yang *mu'tabar* dalam bidang syariah dan *usul al-fiqh* sebagai sandaran. Beberapa isu semasa akan diulas dan diberi kritikan berasaskan pengambilkiraan *urf* dan budaya menurut mekanisme disiplin *Ijtihad* dalam Islam.

### Konsep *Urf* Dan Budaya

Perkataan *urf* pada asal bahasanya membawa erti المعرفة iaitu sesuatu yang diketahui. Kemudian ia digunakan bagi merujuk kepada sesuatu kebiasaan yang baik yang diterima oleh akal yang sihat.<sup>5</sup> Menurut Ibn al-Manzur perkataan المعرفة, المعروف dan المعروف adalah membawa erti yang sama, iaitu merujuk kepada setiap perkara baik yang diketahui oleh seseorang dan ia cenderung serta tenang hati kepadanya. Lawannya ialah النكر، yang membawa erti suatu yang asing, ganjil dan tidak disukai.<sup>6</sup>

Imam al-Ghazali mentakrifkan *urf* pada istilah sebagai sesuatu yang telah mantap di dalam jiwa manusia dari segi akal fikiran dan diterima oleh tabiat yang sejahtera. Ataupun sesuatu yang

<sup>4</sup> Khallaf, Abd al-Wahhab. (2003). *Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Hadith. Hlm. 229; al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm. 1017.

<sup>5</sup> al-Bugha, Mustafa Dib. (1993). *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha Fi al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cet.2.Hlm. 242.

<sup>6</sup> Untuk huraian lanjut, sila rujuk perkataan عرف dalam: Ibn Manzur, Muhammad Bin al-Makarram. (t.t.). *Lisan al-<sup>c</sup>Arab*. Kaherah: Dar al-Ma<sup>c</sup>arif, Hlm.2897-2902; al-Azhariy, Muhammad Bin Ahmad Bin al-Azhar. (t.t.). *Tahzib al-Lughah*. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta'lif. Jld.2, Hlm.344.

menjadi adat kebiasaan manusia yang mempunyai tabiat-tabi'at yang sejahtera lahir dari sesebuah masyarakat Islam dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan nas syarak.<sup>7</sup> *Urf* juga kadang kalanya disebut sebagai adat. Sebab itulah kebanyakan ulama, terutamanya di kalangan *muta'akhirin* menggunakan istilah *urf* dan adat bagi merujuk pengertian yang sama iaitu sesuatu yang telah menjadi kesebatian dalam diri manusia sama ada berbentuk pertuturan atau perbuatan dan diterima oleh jiwa yang mempunyai tabiat yang sejahtera.<sup>8</sup>

Manakala perkataan budaya menurut huraian Kamus Dewan yang mengemukakan pelbagai contoh penggunaannya, semuanya merujuk kepada sesuatu yang telah menjadi kesebatian, kelaziman dan kebiasaan kepada seseorang, masyarakat atau bangsa dan negara.<sup>9</sup> Atau dalam erti kata yang lain ia dikenali sebagai persekitaran buatan manusia.<sup>10</sup>

Berasaskan huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa pengertian budaya yang biasa digunakan dalam masyarakat Malaysia adalah hampir sama dengan pengertian *urf* dan adat yang berasal dari perkataan Arab. Justeru, maka budaya yang dimaksudkan dalam tulisan ini adalah merujuk kepada pengertian *urf* dan adat menurut perbincangan para sarjana fiqh dan *usul al-fiqh* iaitu sesuatu yang telah menjadi kebiasaan dan diamalkan di kalangan manusia, sama ada dalam berkomunikasi, pekerjaan dan *mu'amalat* harian yang mana tiada dalil syarak secara khusus yang menafikan atau mensabitkannya.<sup>11</sup>

Kemudian, sesuatu perkara yang telah menjadi kelaziman dan kebiasaan di kalangan manusia umum, ia dinamakan sebagai *al-urf al-am*, tetapi sekiranya ianya menjadi kelaziman dan kebiasaan kepada individu atau kelompok atau kumpulan atau masyarakat tertentu, maka ia disebut sebagai *al-urf al-khas*. Namun *al-urf al-am* dan *al-urf al-khas* ini sekiranya ia tidak bertentangan dengan mana-mana dalil syarak, tidak menghalalkan sesuatu yang haram atau mengharamkan sesuatu yang halal ia dinamakan sebagai *al-urf al-sahih* dan jika sebaliknya, maka ia disebut sebagai *al-urf al-fasid*.<sup>12</sup> Oleh yang demikian maka *urf* dan adat atau budaya adalah terbahagi kepada umum atau khusus, perbuatan atau percakapan dan *sahih* ataupun *fasid*.

<sup>7</sup> al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad. (1322H). *al-Mustasfa*. Egypt: al-Matba'ah al-Amiriyah. Jld.1, hlm. 17.

<sup>8</sup> Zaydan, 'Abd al-Karim. (1990). *al-Madkhal Lidirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Hlm.172;al-'Ulwani, Ruqayyah Taha Jabir. (2003). *Athar al-Urf Fi Fahm al-Nusus*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm. 28.

<sup>9</sup>Sila rujuk perkataan (budaya), Kamus Dewan Edisi Keempat daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=budaya>. November 4, 2014.

<sup>10</sup> Md Saleh Hj. Md. @ Hj. Ahmad, dkk. (2006). *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*. KL: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM. Hlm. 93.

<sup>11</sup> al-Bugha, Mustafa Dib. (1993). *Op. Cit.*Hlm. 245.

<sup>12</sup> Sano, Qoutoub Moustapha. (2000). *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm. 284-285.

## **Kedudukan <sup>‘</sup>Urf Dan Budaya Dalam Masyarakat**

Kehidupan harian manusia telah membentuk <sup>‘</sup>urf dan budaya bagi sesebuah masyarakat. Segala aktiviti kehidupan dan *mu<sup>‘</sup>amalat* harian sama ada berbentuk perbuatan, pecakapan atau sebagainya tidak dapat lari dari beriringan dengan <sup>‘</sup>urf dan budaya yang telah sehati. Secara sedar atau tidak, sesungguhnya <sup>‘</sup>urf dan budaya telah mempengaruhi dan diguna pakai dalam kehidupan harian. Sesiapa yang cuba mengabaikan atau melawani <sup>‘</sup>urf dan budaya tersebut, ia akan menyusahkan diri sendiri, bahkan kepada masyarakat yang ia berurusan bersamanya.

Terdapat banyak contoh yang membenarkan kenyataan tersebut. Antaranya, biasanya masyarakat Malaysia apabila menyebut “daging” ianya akan merujuk kepada daging lembu atau kerbau, tidak digunakan untuk ayam dan ikan sekalipun yang dimakannya ialah daging ayam atau ikan.<sup>13</sup> Begitu juga berjual beli tanpa lafaz akad oleh penjual dan pembeli, namun begitu masyarakat menerimanya dengan baik. Dalam masyarakat Kelantan mereka sering menyebut Ringgit Malaysia dengan *Riyal*. Pembeli dan penjual dapat memahami bahawa apa yang dimaksudkan ialah Ringgit Malaysia. Begitu juga dalam berkomunikasi atau pertuturan harian, pihak pertama akan memilih bahasa yang kebiasaannya dapat difahami oleh pihak kedua. Apa yang penting ialah perkara dan maksud yang hendak disampaikan telah sampai kepada sasarannya atau *maqasidnya*. Ringkasnya, mengambikira <sup>‘</sup>urf dan budaya adalah sesuatu yang telah menjadi kelaziman di dalam sesebuah masyarakat.

## **Kedudukan <sup>‘</sup>Urf Dan Budaya Dalam Syariat Islam**

Berasaskan kenyataan di atas bahawa pengambilkiraan <sup>‘</sup>urf dan budaya adalah sesuatu yang sangat penting dan diambilkira dalam kehidupan oleh mana-mana masyarakat. Persoalannya, apakah pengambilkiraan <sup>‘</sup>urf dan budaya ini hanya merupakan tuntutan masyarakat ataupun ia merupakan sesuatu yang dituntut oleh Syariat Islam.

Para *fuqaha*’ dan *usuliyyun* sepakat mengatakan bahawa <sup>‘</sup>urf dan budaya yang *fasid* sama ada umum atau khusus, perbuatan atau percakapan, iaitu <sup>‘</sup>urf dan budaya yang bertentangan dengan dalil-dalil Syarak sehingga menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal adalah

---

<sup>13</sup> Perkara ini juga menjadi <sup>‘</sup>urf di kalangan orang Arab. Lihat: al-Qaradawi, Yusuf. (1985). *‘Awamil al-Sa<sup>‘</sup>ah Wa al-Murunah Fi Shari<sup>‘</sup>ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Sahwah. Hlm. 31.

sesuatu yang ditolak dan tidak diiktiraf oleh Islam.<sup>14</sup> Pengambilkirannya adalah termasuk dalam erti mengikut hawa nafsu yang merosakkan Syariat Islam, seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah *al-Mu'minun*, ayat 71:

وَلَوْ اتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ<sup>ع</sup> بَلْ أَتَيْنَهُمْ بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَنْ ذِكْرِهِمْ

مُعْرِضُونَ ﴿٧١﴾

Terjemahannya:

Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya. (Bukan sahaja Kami memberikan ugama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka al-Qur'an yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka al-Qur'an yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya.

Sebaliknya, para *fuqaha'* dan *usuliyyun* juga pada zahirnya sepakat mengatakan bahawa *urf* dan budaya yang *sahih* dalam semua jenisnya adalah suatu yang diambilkira oleh Syarak,<sup>15</sup> sekalipun mereka berbeza tentang adakah ia merupakan dalil Syarak yang berdiri sendiri ataupun ikutan kepada dalil-dalil Syarak yang lain.<sup>16</sup> Sebanarnya asas pengambilkiraan Syarak terhadap *urf* dan budaya yang *sahih* adalah merujuk kepada prinsip pemeliharaan segala keperluan manusia (تحقيق (رفع الحرج والمشقة) dan penyingkiran segala kesulitan dan kepayahan daripada mereka (المصالح).<sup>17</sup>

Antara dalil yang dikemukakan oleh para *fuqaha'* dan *usuliyyun* tentang kejujahan *urf* dan budaya yang *sahih* ialah firman Allah SWT dalam surah *al-A'raf*, ayat 199:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

Terjemahannya:

Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).

<sup>14</sup> Zaydan, <sup>c</sup>Abd al-Karim. *Op. Cit.* Hlm. 173.

<sup>15</sup> *Ibid.*; al-Bugha, Mustafa Dib. *Op. Cit.* Hlm. 250.

<sup>16</sup> *al-Hanafiyah* dan *al-Malikiyyah* berpendapat bahawa *urf* adalah dalil Syarak yang berdiri sendiri, manakala *al-Shafi'iyah* dan *al-Hanabilah* pula berpendapat bahawa kejujahan adalah bergantung kepada sokongan mana-mana sumber utama yang lain. Lihat: al-Zuhayli, Muhammad. (2005). *al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cet. 2. Hlm. 181; Ibn Badran, <sup>c</sup>Abd al-Qadir Bin Ahmad. (1346H). *al-Madkhal Ila Mazhab Ahmad*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Muniriyyah. Hlm. 134.

<sup>17</sup> Zaydan, <sup>c</sup>Abd al-Karim. *Op. Cit.* Hlm. 173.

Dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan NabiNya supaya menyuruh orang ramai mengikuti *urf*. Perintah tersebut menunjukkan wajib kerana tiada dalil yang lain yang menghendaki makna sebaliknya.<sup>18</sup>

Antara dalil yang lain ialah kata-kata Ibn Mas'ud dalam *Hadith Mawquf*,<sup>19</sup> iaitu:

فما رأى المسلمون حسنا فهو عند الله حسن وما رأوا سيئا فهو عند الله سيء.

Terjemahannya:

Apa-apa yang didapati dan dilihat oleh orang-orang Islam sebagai suatu yang baik, maka ia juga baik di sisi Allah SWT, dan apa-apa yang dilihat sebagai suatu yang buruk maka di sisi Allah SWT juga buruk.<sup>20</sup>

*Hadith* ini menunjukkan bahawa perkara yang telah menjadi kebiasaan yang baik di kalangan orang Islam adalah dikira suatu yang baik yang diperakui oleh Allah SWT. Apa-apa yang diperakui oleh Allah SWT adalah suatu yang benar dan hujah. Oleh yang demikian, penolakan dan pengabaian terhadap *urf* yang telah sebatu dalam jiwa serta menjadi budaya di kalangan orang ramai adalah sesuatu yang akan mengundang kesulitan dan kepayahan dalam kehidupan harian manusia. Sedangkan Allah SWT tidak menjadikan sebarang kepayahan dan kesempitan dalam agama Islam.<sup>21</sup>

*Hadith* ini sekalipun merupakan *Hadith Mawquf* kepada Ibn Mas'ud, namun apabila kandungannya adalah berkaitan dengan perkara yang tidak boleh di*ijihadkan* iaitu ketentuan sesuatu itu baik atau buruk di sisi Allah SWT, maka ia dikira *Hadith Marfu'*,<sup>22</sup> yang mana ia sebenarnya adalah bersumberkan Nabi SAW yang sah dijadikan dalil untuk diambil hukum.

Oleh sebab itulah kerap kali kita dapati para *fuqaha'* menggunakan kaedah-kaedah *fiqh* yang merujuk kepada pengambilkiraan *urf* dan adat ketika memberi alasan kepada sesuatu hukum

---

<sup>18</sup> Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Afendi. (t.t.). *Majmu'ah Rasa'il Ibn 'Abidin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Hlm.113.

<sup>19</sup> *Hadith Mawquf* ialah riwayat yang sumbernya disandarkan kepada seseorang sahabat Nabi SAW, sama ada riwayat itu adalah perkataan, perbuatan ataupun pengakuan. Lihat: al-Tahhan, Mahmud. (1982). *Taysir Mustalah al-Hadith*. Maktabah al-Sirwat Li al-Nashri Wa al-Tawzi'. Cet. ke-4. Hlm. 129.

<sup>20</sup> Hadith No. 3600, *Musnad 'Abdullah Bin Mas'ud*, diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dengan *sanad* yang sahih. Lihat: Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. (1995). *al-Musnad*. Syarah oleh Ahmad Muhammad Shakir. Kaheerah: Dar al-Hadith. Juz. 3, hlm. 505; al-Haythamiy, 'Aliy Bin Abi Bakr. (708H). *Majma' al-Zawa'id Wa Manba' al-Fawa'id*. Kaheerah: Matba'ah al-Qudsiy. Juz. 1, hlm. 178.

<sup>21</sup> Abu Zahrah, Muhammad. (1958). *Usul al-Fiqh*. Kaheerah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. Hlm. 273; al-Bugha, Mustafa Dib. (1993). *Op. Cit.* Hlm. 274.

<sup>22</sup> *Hadith Marfu'* ialah riwayat yang sumbernya disandarkan kepada Nabi SAW, sama ada riwayat itu adalah perkataan, perbuatan ataupun pengakuan. Lihat: al-Tahhan, Mahmud. *Op. Cit.* Hlm. 127.

yang diambil terhadap isu-isu yang berbangkit. Antara kaedah-kaedah *fiqh* yang merujuk kepada pengambilkiraan *urf* ialah:<sup>23</sup>

1. العادة محكمة
2. الثابت بالعرف كالثابت بالنص
3. المعلوم بالعرف كالمشروط بالنص
4. المعروف عرفا كالمشروط شرطا
5. المعتاد كالمشروط
6. الحقيقة تترك بدلالة العادة
7. استعمال الناس حجة يجب العمل بها
8. التعيين بالعرف كالتعيين بالنص
9. كل ما ورد به الشرع مطلقا ولا ضابط له فيه ولا في اللغة يرجع فيه إلى العرف
10. تنزل دلالة العادات وقرائن الأحوال منزل صريح الأقوال في تخصيص العموم وتقبيد المطلق وغيرهما
11. حمل الألفاظ على ظنون مستفادة من العادات لمسيب الحاجة إلى ذلك
12. كل ما يثبت بالعرف فإذا صرح المتعاقدان بخلافه بما يوافق مقصود العقد صح
13. الحمل على الغالب والأغلب في العادات
14. المعروف بالعرف كالمعروف بالنص
15. الثابت بالعرف ثابت بدليل الشرع
16. العرف بالشرع له اعتبار
17. إنما تعتبر العادة إذا اطردت أو غلبت
18. العبرة للغالب الشائع لا للنادر
19. الكتاب كالخطاب
20. الإشارة المعهودة للأخرس كالبيان باللسان
21. المعروف بين التجار كالمشروط بينهم
22. لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان

<sup>23</sup> Lihat: Shubayr, Muhammad °Uthman. (2000). *al-Qawa'id al-Kulliyyah Wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. °Amman: Dar al-Furqan. Hlm. 265-268; °Azzam, °Abd al-°Aziz. (2001). *al-Maqasid al-Shar'iyyah Fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Bayan Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr. Hlm. 193-217; al-Zuhayli, Muhammad. (2005). *Op.Cit.* Hlm. 193-194; Md. Saleh Bin Haji Md. @ Haji Ahmad. °Urf Dan Adat Semasa Di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak Dinaskan. dalam Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. (2000). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. KL: Akademi Pengajian Islam, UM. Hlm. 116-118.

Pengambilkiraan *fuqaha* terhadap *urf* dan budaya bukanlah secara mutlak, bahkan ianya terikat dengan beberapa syarat. Sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka *urf* dan budaya itu tidak boleh dijadikan dalil untuk dibina hukum syarak di atasnya. Antara syarat-syarat utama yang disebut oleh *fuqaha* dan *usuliyun* ialah:<sup>24</sup>

1. Ia adalah sesuatu yang diamalkan dalam masyarakat secara menyeluruh dan meluas dalam pelbagai keadaan.
2. Ia adalah sesuatu yang telah wujud ketika hendak dilakukan sesuatu tindakan (*tasarruf*).
3. Tiada pernyataan khusus yang menghendaki sebaliknya.
4. Ia tidak berlawanan dengan kehendak dalil-dalil syarak.

### **Pengambilkiraan *Urf* Dan Budaya Dalam Penyelidikan, Membuat Dasar Dan Penentuan Hukum Syarak**

Berasaskan huraian di atas, maka *urf* dan budaya yang memenuhi syarat-syarat utama seperti yang telah dinyatakan adalah suatu yang wajib diterima dan diambilkira dalam menjalankan penyelidikan atau *ijtihad*. Begitu juga ketika membuat sesuatu dasar dalam sesebuah masyarakat dan ketika memutuskan hukum syarak bagi sesuatu kes. Ini kerana ia adalah sesuatu yang selari dengan keperluan manusia dan dapat menghindarkan kesulitan dan kepayahan yang pasti mengenai mereka jika hal tersebut diabaikan.<sup>25</sup>

Terdapat banyak contoh pengambilkiraan *urf* dan budaya oleh Islam dan *fuqaha* terdahulu yang boleh dijadikan panduan. Kalau dalam penyelidikan atau *ijtihad* para *fuqaha* dan *ulama* yang *mu<sup>h</sup>tabar* mengemukakan hasil penyelidikan dan *ijtihad* mereka dalam bahasa yang difahami oleh masyarakat. Di zaman kegemilang Islam karya-karya besar telah diterjemahkan kedalam bahasa Arab dengan tujuan supaya tamadun yang telah dicipta oleh bangsa lain dapat dimanfaatkan oleh orang Islam yang umumnya memahami bahasa Arab. Begitu juga yang dilakukan oleh *fuqaha* dan *ulama* di alam Melayu ini seperti Sheikh Daud al-Fatani dan seumpamanya. Mereka ini menguasai bahasa Arab, tetapi oleh kerana apa yang telah menjadi *urf* dan budaya orang Melayu yang memahami bahasa Melayu, maka segala penulisan mereka

<sup>24</sup>Zaydan, <sup>c</sup>Abd al-Karim. (1976). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Mu'assasah Qurtubah. Hlm. 256-257; al-Bugha, Mustafa Dib. *Op. Cit.* Hlm. 280-281.

<sup>25</sup>al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm. 98-99; Md. Saleh Bin Haji Md. @ Haji Ahmad. *Op. Cit.* Hlm. 112-113.



kebanyakannya ditulis dalam bahasa Melayu. Biasanya penulisan mereka ringkas dengan hanya mengemukakan pendapat yang terkuat sahaja supaya mudah dipegang dan diamalkan. Ini semuanya adalah kerana meraikan keadaan masyarakat Melayu ketika itu. Apa yang penting bagi mereka ialah ilmu yang sampaikan itu dapat difahami dan diamalkan, bukan sekadar memenuhi keperluan ilmuan sahaja.

Keperluan mengambikira *‘urf* dan budaya setempat juga penting dalam menetapkan sesuatu dasar. Antaranya dasar *bertaqlid*<sup>26</sup> dalam pengamalan tuntutan agama. Kebanyakan *fuqaha*’ dari kalangan mazhab empat mewajib orang awam yang tidak mempunyai kelayakan *berijtihad*, *bertaqlid* kepada mana-mana mazhab yang *mu‘tabar*.<sup>27</sup> Ini adalah kerana mengambikira *‘urf* orang awam. Bahkan menetapkan mazhab tertentu, seperti *Mazhab al-Shafi‘iy* sebagai manhaj amalan bagi negara kita Malaysia juga adalah berasaskan *‘urf* yang diterima umum.

Pengambilkiraan *‘urf* dan budaya juga penting dalam memutuskan sesuatu hukum Syarak. Bahkan antara syarat seseorang *mujtahid* atau mufti yang terlibat dalam pengeluaran hukum hendaklah ia mengetahui adat atau budaya masyarakat yang berkaitan. Ini kerana kebanyakan hukum-hukum akan berubah mengikut perubahan masa dan tempat, atau berlaku keadaan keterpaksaan tertentu, yang mana sekiranya hukum lama dikekalkan sudah pasti membawa kesulitan dan kepayahan pada orang ramai. Sebagai contoh difatwakan harus mengambil upah mengajar al-Qur’an, menjadi iman, *mu‘azzin* dan seumpamanya. Fatwa ini bercanggah dengan apa yang difatwakan oleh *ulama*’ sebelumnya.<sup>28</sup>

### **Kesan Pengabaian *‘Urf* Dan Budaya Terhadap Kemaslahatan Ummah**

Seperti yang dijelaskan bahawa pengambilkiraan *‘urf* dan budaya adalah untuk pemeliharaan segala keperluan manusia (تحقيق المصالح) dan penyingkiran segala kesulitan dan kepayahan daripada mereka (رفع الحرج والمشقة). Justeru pengabainya sudah pasti mengundang kesulitan, kepayahan dan kegelisahan kepada orang ramai. Bahkan mungkin membawa kerugian kepada rakyat dan nagara, sama ada dalam bentuk masa ataupun harta.

<sup>26</sup> *Taqlid* ialah mengambil atau berpegang dengan pendapat *mujtahid* tanpa mengetahui dalilnya. Sila lihat: al-Mahalliy al-Shafi‘iy, Jalaluddin Muhammad Bin Ahmad. (1996). *Sharh al-Waraqat Fi ‘Ilm Usul al-Fiqh*. Mekah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz. Hlm. 143.

<sup>27</sup> al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Hlm. 1127.

<sup>28</sup> *Ibid*. Hlm. 735.

Sebagai contoh, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diperkenalkan pada tahun 2003 telah diketahui umum telah menemui kegagalan. Ini adalah kerana *‘urf* dan budaya rakyat Malaysia tidak diambilkira ketika membuat keputusan. Hasilnya banyak wang ringgit dan masa terpaksa dikorbankan. Begitu juga mengutamakan bahasa Inggeris yang bukan bahasa *‘urf* iaitu Melayu dalam perbankan, kewangan, pengajaran, dokumen-dokumen resmi dan seumpamanya telah memberi kesan yang negatif dan kesukaran kepada masyarakat Islam Malaysia. Mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk memahami kandungan yang hendak disampaikan. Memahami hakikat inilah kita dapati pendakwah kristian begitu bersungguh-sungguh hendak menggunakan bahasa Melayu dalam majalah dan kitab suci mereka.

Dalam amalan keagamaan dan kemasyarakatan, antara perkara yang menjadi *‘urf* dan budaya dalam masyarakat Islam Malaysia ialah beribadah mengikut *Mazhab al-Shafi‘iy*, berwirid selepas sembahyang secara *jama‘iy*, menyambut *Maulid Nabi* dengan bacaan *Salawat, Barzanji, Tahlil Arwah* dan seumpamanya. Sekarang ini *‘urf* dan budaya tersebut telah mula dipandang sepi bahkan ditafsirkan secara salah daripada tujuan asalnya, telah membawa kesan tidak baik dalam masyarakat. Hasilnya, hilang keseragaman dan keyakinan dalam beribadah, mula mengabaikan zikir dan penyucian jiwa, hilang perasaan cinta dan keagungan terhadap Nabi SAW, tolong-menolong dan semangat kejiranan mulai pudar, budaya sama-sama menghidupkan syiar yang mendekatkan diri kepada Allah dan *Shari‘atNya* kian terhakis.

## KESIMPULAN

Jelas daripada perbincangan di atas bahawa faktor *‘urf* dan budaya adalah sesuatu yang sangat penting. Kegagalan kita mengenal *‘urf* dan budaya sendiri akan menyebabkan kita tersalah membuat keputusan dan tindakan. Kebahagiaan hidup abadi yang menjadi cita-cita dan keperluan setiap orang akan terlepas, namun kesulitan, kepayahan dan kemunduran terpaksa ditanggung. Perhatikanlah, tiada sutupun negara yang berjaya, walaupun hanya dalam kehidupan dunia ini, melaikan faktor *‘urf* dan budayanya diambilkira dalam semua tindakan. Oleh itu pengambilkiraan *‘urf* dan budaya dalam sebarang tindakan adalah suatu kemestian. *Wallahu A‘lam Bissawab*.

## Rujukan

- Abu Zahrah, Muhammad. (1958). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-<sup>°</sup>Arabiyy.
- Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. (1995). *al-Musnad*. Syarah oleh Ahmad Muhammad Shakir. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Azhariyy, Muhammad Bin Ahmad Bin al-Azhar. (t.t.). *Tahzib al-Lughah*. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta'lif.
- al-Bugha, Mustafa Dib. (1993). *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha Fi al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cet.2.
- al-<sup>°</sup>Ulwani, Ruqayyah Taha Jabir. (2003). *Athar al-<sup>°</sup>Urf Fi Fahm al-Nusus*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad. (1322H). *al-Mustasfa*. Egypt: al-Matba<sup>°</sup>ah al-Amiriyyah.
- al-Haythamiyy, <sup>°</sup>Aliy Bin Abi Bakr. (708H). *Majma<sup>°</sup> al-Zawa'id Wa Manba<sup>°</sup> al-Fawa'id*. Kaherah: Matba<sup>°</sup>ah al-Qudsiyy.
- al-Mahalliy al-Shaffi<sup>°</sup>iy, Jalaluddin Muhammad Bin Ahmad. (1996). *Sharh al-Waraqat Fi <sup>°</sup>Ilm Usul al-Fiqh*. Mekah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1985). *<sup>°</sup>Awamil al-Sa<sup>°</sup>ah Wa al-Murunah Fi Shari<sup>°</sup>ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Sahwah.
- al-Tahhan, Mahmud. (1982). *Taysir Mustalah al-Hadith*. Maktabah al-Sirwat Li al-Nashri Wa al-Tawzi<sup>°</sup>. Cet. ke-4.
- al-Zuhayli, Muhammad. (2005). *al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cet. 2.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr
- <sup>°</sup>Azzam, <sup>°</sup>Abd al-<sup>°</sup>Aziz. (2001). *al-Maqasid al-Shar<sup>°</sup>iyyah Fi al-Qawa<sup>°</sup>id al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Bayan Li al-Tiba<sup>°</sup>ah Wa al-Nashr.
- <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=budaya>. November 4, 2014.
- Ibn Badran, <sup>°</sup>Abd al-Qadir Bin Ahmad. (1346H). *al-Madkhal Ila Mazhab Ahmad*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Muniriyyah.
- Ibn <sup>°</sup>Abidin, Muhammad Amin Afendi. (t.t.). *Majmu<sup>°</sup>ah Rasa'il Ibn <sup>°</sup>Abidin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>°</sup>Arabi.
- Ibn Manzur, Muhammad Bin al-Makarram. (t.t.). *Lisan al-<sup>°</sup>Arab*. Kaherah: Dar al-Ma<sup>°</sup>arif.
- Khallaf, <sup>°</sup>Abd al-Wahhab. (2003). *<sup>°</sup>Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Hadith.

- Md Saleh Hj. Md. @ Hj. Ahmad, dkk. (2006). *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*. KL: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM.
- Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. (2000). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. KL: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Sano, Qoutoub Moustapha. (2000). *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Shubayr, Muhammad °Uthman. (2000). *al-Qawa'id al-Kulliyyah Wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. °Amman: Dar al-Furqan.
- Zaydan, °Abd al-Karim. (1976). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Mu'assasah Qurtubah.
- Zaydan, °Abd al-Karim. (1990). *al-Madkhal Lidirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.